

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr M syor strategi baru atasi masalah Palestin

BUCHAREST, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan kepada pemimpin Yugoslavia, Romania dan Turki mengenai satu strategi baru menyelesaikan masalah Palestin yang dianggapnya bukan muktamad, tetapi 'lebih mudah berjaya'.

Berekap kepada wartawan yang menyertai rombongan beliau dalam lawatan rasmi ke negara-negara berkenaan di sini hari ini, beliau berkata, strategi itu bukan satu strategi yang muktamad, "tetapi kita merasakan perlaksanaannya lebih mudah berjaya."

Perdana Menteri mengakhiri lawatan tiga harinya ke Romania hari ini selepas melawat Turki dan Yugoslavia.

Semalam, Dr Mahathir mengadakan perbincangan empat perkara dengan Presiden Romania, Encik Nicolae Ceausescu di kediamannya kira-kira satu jam.

Di sebelah petangnya pula beliau melawat kompleks petrokimia di daerah Prahova, kira-kira 60 km dari sini.

Rundingan

Dalam siri lawatannya ke tiga buah negara itu, Datuk Seri Dr Mahathir telah bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin negara-negara berkenaan mengenai soal Palestin serta isu-isu antarabangsa.

Katanya, strategi bagi menyelesaikan masalah Palestin tidak boleh diumumkan kepada ramai.

Tetapi strategi itu telah diberitahu kepada wakil PLO dan Setlousaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Encik Habib Chatli dan Menteri Luar Bangladesh, Encik A.R. Sham-ud Doha, ketika melawat negara itu baru-baru ini.

Mengenai Kampuchea, satu lagi masalah antarabangsa yang beliau sentuh ketika perbin-

cangan dengan pemimpin ketiga-tiga negara itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak menyatakan bahawa Heng Samrin tidak langsung boleh menyertai rundingan bagi menyelesaikan masalah negara itu.

"Tetapi, soal yang kita utamakan ialah Vietnam mesti mengundurkan tenteranya dari Kampuchea.

"Jika ini telah dilakukan, kita mungkin menimbangkan sama ada Heng Samrin boleh menyertai rundingan atau tidak," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata dalam perbincangannya dengan para pemimpin negara-negara berkenaan, mereka mempunyai pendapat serupa dengan Malaysia mengenai hubungan dua hala dalam konteks dialog selatan-selatan sebagai penting.

Katanya, mereka berpendapat jika hubungan langsung boleh dipertingkatkan lagi, ia boleh meningkatkan hubungan ekonomi dan secara tidak langsung mengurangkan penggantungannya negara-negara membangun terhadap negara-negara maju.

Beliau juga menjelaskan kepada para pemimpin negara-negara itu bahawa Malaysia tidak berminat dalam rundingan berbagai hala kerana ia akhirnya akan menjadi forum bagi mengeluarkan kenyataan-kenyataan sahaja.

Hasil rundingan berbagai hala itu adalah terhad, tegas beliau. — Bernama.